

17 OCT 1998

Najib-Mahathir

KENYATAAN MAHATHIR PERLU DILIHAT SEBAGAI SATU CABARAN

JOHOR BAHRU, 17 Okt (Bernama) -- Kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Barisan Nasional akan terus membentuk kerajaan tetapi dengan majoriti yang berkurangan perlu dilihat sebagai satu cabaran.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kenyataan Perdana Menteri itu bukan bermakna bahawa Umno atau BN telah menyerah kalah dan tidak akan berusaha bersungguh-sungguh dalam pilihan raya akan datang.

"Saya rasa Perdana Menteri hendak memberi cabaran kepada kita dan kenyataan beliau perlu dilihat secara positif untuk melipatgandakan usaha agar rakyat bertambah yakin dan terus memberi kepercayaan kepada kita," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Najib yang juga Menteri Pendidikan mengulas kenyataan Dr Mahathir di Tokyo, semalam, bahawa BN akan terus membentuk kerajaan Malaysia walaupun majoriti besar yang dinikmati sekarang mungkin tidak berulang dalam pilihan raya akan datang.

Perdana Menteri membuat kenyataan itu pada sesi dialog dengan tokoh-tokoh korporat, bank, ahli akademik dan wartawan Jepun.

Najib yakin BN akan memenangi pilihan raya umum akan datang tetapi perlu menempuh ancaman dan cabaran yang lebih besar berbanding pilihan raya umum 1995.

"Kita akui dan sedar bahawa keadaan ekonomi dan politik di dalam negara tidak begitu stabil seperti yang pernah dinikmati pada pilihan raya tahun 1995," katanya.

Menurutnya, ketika pilihan raya umum 1995 tidak berlaku keadaan kegawatan ekonomi dan pergolakan dalaman politik seperti sekarang.

Namun, katanya, rakyat akan tetap membuat pilihan yang tepat dan tidak akan terpengaruh dengan isu-isu yang melibatkan individu tertentu dan sebaliknya akan lebih mementingkan soal masa depan negara.

"Mereka akan bertindak lebih waras dan lebih rasional serta tidak akan mengikut emosi, sebaliknya mengundi untuk memilih kerajaan yang boleh memenuhi harapan dan inspirasi mereka serta kerajaan yang boleh menentukan kemakmuran, perpaduan dan kestabilan negara," katanya. -- BERNAMA

RAM RON